


Oleh Mohammad Rizal Abd Razak
bhvarsiti@bh.com.my

► Batu Pahat

MASUM iktiraf Chee Wei, Zulhijjah



Barisan atlet IPT yang diraikan bersempena dengan **Majlis Anugerah Sukan MASUM di UTHM, Batu Pahat, Johor.**

Kejayaan merangkul pingat emas menerusi sukan karate di Sukan Asia Incheon melayakkan Lim Chee Wei dinobatkan sebagai Olahragawan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2014 bersempena dengan Majlis Anugerah Sukan MASUM di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, baru-baru ini.

Chee Wei mengetepikan cabaran empat lagi calon iaitu Iskandar Zulkarnain Zainudin (badminton), Ahmad Syukri Abdul Aziz (perahu layar), Mohamad Azraai Ariffin (woodball) dan Ivan Yuan Chee Wern (skuasy).

Selain pencapaian peringkat Sukan Asia, pelajar Universiti Sains Malaysia (USM) itu turut merangkul pingat emas menerusi acara Kata individu dan berpasukan bersempena dengan Kejohanan Karate-Do Asia Tenggara ketiga, emas Kata individu dan perak Kata berpasukan dalam Sukan Universiti ASEAN Palembang, Indonesia serta layak ke peringkat suku akhir Kejohanan Karate Dunia Ke-22 di Bremen, Jerman.

Chee Wei juga mengekalkan kejuaraan Kata individu dalam Kejohanan Karate Senior MAKAF Ke-34 serta merangkul pingat emas Sukan Institusi Pengajian Tinggi, tahun lalu.

Anugerah berprestij

Srikandi skuasy negara daripada Universiti Putra Malay

sia (UPM), Zulhijjah Azan, pula memahat nama sebagai Olahragawati MASUM 2014 dengan menewaskan persaingan daripada Siti Farah Hanim Samsudin (pencak silat), Muslihah Zulkifli (menembak) Ria Natasya Zulkefli (woodball) dan Sazatul Nadhirah Zakaria (memanah).

Pencapaian gemilang muncul naib juara Kejohanan Skuasy Universiti Dunia di India dan Kejohanan Berpasukan Wanita Dunia di Kanada melonjakkan nama beliau

selaku calon yang paling layak merangkul anugerah kedua berprestij pada peringkat institusi pendidikan tinggi itu.

Zulhijjah mewakilkan adiknya bagi menerima anugerah berkenaan kerana menyertai kejohanan utama di luar negara.

Atlet menembak UPM, Jasmi Mohamad Zin, pula meraih Anugerah Bintang Harapan Lelaki MASUM 2014 melalui kejayaan pingat gangsa Kejohanan Menembak Universiti Dunia bagi acara 50

meter free pistol.

Cipta hatrik

Seorang lagi atlet UPM, M Yokonanthini turut meraih Anugerah Bintang Harapan Wanita MASUM 2014 hasil kecemerlangan dalam Sukan Universiti ASEAN, Palembang dengan meraih pingat emas menerusi acara Kumite individu dan gangsa bagi acara Kumite berpasukan.

Skuad memanah institusi pengajian tinggi (IPT) negara pula mencipta hatrik apabila

pasukan memanah compound wanita meraih Anugerah Pasukan Terbaik berdasarkan kejayaan meraih pingat perak Kejohanan Memanah Dunia di Poland; jurulatihnya, Nazrin Aizad Mat Nasir menerima Anugerah Jurulatih Terbaik manakala Riduan Mohamed Arof dinobatkan Pengurus Pasukan Terbaik.

Penerima bagi 10 kategori anugerah diraikan bersempena dengan majlis itu merangkumi Anugerah Rakan Sukan MASUM, Anugerah

Khas MASUM, Anugerah Sekalung Budi, Pengurus Pasukan Terbaik, Jurulatih Terbaik, Pasukan Terbaik, Atlet Universiti Terbaik, Anugerah Bintang Harapan, Olahragawati dan Olahragawan.

Upacara penyampaian hadiah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, P Kamalanathan. Yang turut hadir ialah Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin serta Pengerusi MASUM, Prof Dr Anuar Hassan.